

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : RUMAH SMART SEWA SELANGOR**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan unit rumah Smart Sewa diseluruh Negeri Selangor? sila nyatakan mengikut DUN atau daerah
- b) Apakah masa depan kepada penyewa rumah Smart Selangor ini selepas tempoh 5 tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 983 unit rumah Skim 'Smart Sewa' di seluruh Negeri Selangor yang sedang dilaksanakan setakat ini.
  - (i) Senarai projek Skim 'Smart Sewa' yang telah siap mengikut daerah dan telah disewakan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bil Unit</b>
1.	Pangsapuri Tun Teja, Alam Impian, Shah Alam	Petaling	5
2.	Pangsapuri Rimba Jaya, Seksyen 16, Shah Alam	Petaling	41
3.	Pangsapuri Taman Damai Utama, Kinrara-Puchong	Petaling	110
4.	Pangsapuri @ Jalan Keretapi Lama, Kapar	Klang	64
5.	Pangsapuri Arista, Bandar Parklands	Klang	11
6.	Pangsapuri Azaria, Bandar Parklands	Klang	50
7.	Pangsapuri Asteria, Bandar Parklands	Klang	50
8.	Bandar Seri Coalfields, Ijok	Kuala Selangor	10
<b>Jumlah</b>			<b>341</b>

- (ii) Pada Mac 2019, sebanyak 101 unit telah disiapkan mengikut daerah dan akan dibuka permohonan kepada orang awam seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bil Unit</b>
1.	Pangsapuri De Kiara, Setia Alam	Petaling	30
2.	Pangsapuri Seroja, Setia Alam	Petaling	11
3.	Apartment Trifolis, Bukit Tinggi	Klang	30
4	Pangsapuri Taming Mutiara, Cheras	Hulu Langat	30
<b>Jumlah</b>			<b>101</b>

(iii) Manakala senarai projek Skim Smart Sewa yang dalam proses untuk pemilikan dan status projek masih dalam pembinaan sebanyak 541 unit dan dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2019 hingga 2020 mengikut daerah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bil Unit</b>
1.	Taman Puchong Utama Jenis B, Puchong	Petaling	30
2.	Taman Puchong Utama Jenis C, Puchong	Petaling	30
3.	Pangsapuri Seri Akasia, Puchong	Petaling	30
4.	Pangsapuri De Bayu, Setia Alam	Petaling	30
5.	Pangsapuri Harmoni 1, Putra Heights	Petaling	30
6.	Bandar Bukit Raja Fasa 17B, Bukit Raja	Klang	50
7.	Emira @ TTDI Grove, Kajang	Hulu Langat	10
8.	Jade Hills Jenis A, Kajang	Hulu Langat	10
9.	Jade Hills Jenis B, Kajang	Hulu Langat	10
10.	Jade Hills Jenis C, Kajang	Hulu Langat	10
11.	Jade Hills Jenis D, Kajang	Hulu Langat	30
12.	Apartment Simfoni, Semenyih	Hulu Langat	17
13.	Rumah Bandar, Kota Puteri	Gombak	20
14.	Bukit Rahman Putra, Jenis A	Gombak	180
15.	Pangsapuri Alpinia, Dengkil	Sepang	50
16.	Antara Gapi, Serendah	Hulu Selangor	4
<b>Jumlah</b>			<b>541</b>

- b) Penyewaan rumah Skim Smart Sewa selepas tempoh 5 tahun tamat kontrak sewaan, penyewa akan diberikan pemulangan sewaan bersih sebanyak 30% daripada jumlah sewaan yang dibayar dan boleh digunakan sebagai deposit pembelian rumah akan datang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui LPHS akan memberikan keutamaan penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Akhirnya, ianya membantu pemohon berkenaan untuk memiliki kediaman mereka sendiri tanpa perlu menyewa lagi pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU KESESAKAN DI JALAN BESAR, SERI KEMBANGAN**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak JKR diberikan peruntukan untuk menaik taraf Jalan Besar, Seri Kembangan untuk menyelesaikan isu kesesakan?
- b) Jika ada, apakah rancangan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B., Jalan Besar Sri Kembangan merupakan Jalan Persekutuan FT3215 bermula dari persimpangan LDP sehingga ke Persimpangan menuju ke Besraya Serdang. Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah mengenal pasti isu kesesakan yang berlaku di 3 persimpangan utama di sepanjang jajaran jalan FT3215 ini.

3 persimpangan tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Persimpangan Jalan FT3215 ke Lebuh raya Damansara Puchong LDP (Puchong-Putrajaya)
  - ii. Persimpangan Jalan Raya 1 (Serdang Raya) dengan jalan FT3215.
  - iii. Persimpangan jalan FT3215 dengan Lebuhraya Besraya (Serdang)
- b) Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah menjalankan tindakan seperti berikut:
    - i. Persimpangan Jalan FT3215 ke Lebuh raya Damansara Puchong LDP (Puchong-Putrajaya) – pihak JKR Negeri Selangor telah mensyaratkan kepada pemaju Lembah Penchala untuk menyediakan jalan susur tambahan dari FT3215 ke arah Putrajaya dan *flyover* dari FT3215 ke arah Puchong.
    - ii. Persimpangan Jalan Raya 1 (Serdang Raya) dengan jalan FT3215 – jalan di dalam kawasan Serdang Raya telah dinaiktaraf dan dijadikan jalan sehala dan telah siap pada 26 September 2016.

- iii. Persimpangan jalan FT3215 dengan Lebuhraya Besraya (Serdang) – pihak JKR Negeri Selangor telah menghantar permohonan projek bagi Rolling Pelan 4 (RP4) tahun 2020, RMK11 kepada pihak Kementerian Kerja Raya pada 21 Februari 2019 dan telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya pada 28 Februari 2019 untuk dimohon kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**  
**(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STRATEGI INSTITUT WANITA BERDAYA MENCAPAI SASARAN 30  
PERATUS WANITA DI SEMUA PERINGKAT PEMBUAT DASAR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi yang dirancang oleh kerajaan melalui Institut Wanita Berdaya bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di bawah kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan matlamat keempat dalam Pelan Tindakan Dasar Wanita Selangor iaitu mempercepatkan kepimpinan wanita demi meningkatkan keupayaan dan sumbangsih wanita untuk merealisasikan Selangor yang inklusif, mampan, adil dan makmur, Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah melaksanakan beberapa strategi bagi merealisasikan matlamat tersebut menerusi program dan inisiatif yang dijalankan.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh IWB adalah **Persidangan Nasional Gender dan Reformasi Pilihanraya dengan tema “More Women Better Nation”**. Persidangan ini bertujuan untuk mempercepatkan penyertaan wanita sebagai pembuat dasar di peringkat nasional dan juga negeri.

Antara input yang diketengahkan semasa persidangan ini adalah **pengenalan kepada Kerusi Tanpa Kawasan (Non-Constituency Seats atau NCS)** yang mana sistem ini akan memberi peluang untuk lebih ramai wanita dilantik menjadi wakil di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Secara ringkas, Kerusi Tanpa Kawasan adalah sistem di mana calon dipilih tetapi tidak mempunyai kawasan secara spesifik dan menjalankan tugas-tugas sebagai seorang ADUN. Dengan pengenalan kepada sistem Kerusi Tanpa Kawasan ini diharap Kerajaan Negeri mampu mencapai 30% minimum kuota wanita menjadi perwakilan.

Memorandum juga telah diberikan kepada wakil di setiap negeri sewaktu persidangan untuk dibawa pulang bagi memberi penerangan, menjalankan advokasi untuk melaksanakan sistem Kerusi Tanpa Kawasan ini.

Selain daripada itu, IWB Selangor telah melakukan penyelidikan mengenai **penyertaan dan pemberdayaan wanita dalam politik di Malaysia : kes PRU-14 dan selanjutnya** yang mana kajian ini dilakukan di lima (5) buah negeri iaitu Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Johor dan Sabah. Hasil penyelidikan ini juga telah dibentangkan melalui **Seminar Nasional Wanita dan Politik** dengan tema “**Ke Mana Hala Tuju Politik Negara?**” yang telah diadakan pada Januari 2019 yang lalu.

Hasil utama daripada Seminar Nasional ini adalah satu tindakan untuk mengutarakan syor bagi membincangkan penyertaan wanita dan mempercepatkan lebih banyak kehadiran wanita sebagai pembuat keputusan. Program-program susulan seperti advokasi, pendidikan, latihan dan kesedaran juga akan disusun untuk meningkatkan potensi dan aktiviti bagi memperbanyakkan perwakilan wanita dalam politik dalam masa terdekat.

Selain daripada itu, pihak IWB juga terlibat secara langsung dalam menyediakan **Modul Latihan Pembangunan Kapasiti** untuk **Penyelia-penyelia Pusat Wanita Berdaya & Program Wanita Berdaya Selangor (WBS)**. **Program WBS** ini mensasarkan peserta-peserta terpilih daripada sesi program-program umum dari setiap DUN yang merangkumi **modul Kepimpinan, Pengucapan Awam, Pengurusan, Kewangan, Integriti, Latihan Fizikal, Pendidikan Politik dan Pembangunan Sosial**. Di akhir program ini, para peserta akan melalui proses penilaian berdasarkan penglibatan mereka sepanjang modul dilaksanakan dan akan dianugerahkan **Sijil Wanita Berdaya Selangor** daripada Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor akan sentiasa meneruskan perancangan-perancangan yang substantif untuk memastikan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan dan dasar mampu mencapai 30% minimum pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : SMART SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa jenis projek Smart Selangor yang dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2018-2019?
- b) Berapa jumlah peruntukan yang disalurkan kepada SSDU pada tahun 2018 dan 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah senarai projek-projek Smart Selangor yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan sedang dilaksana pada tahun 2019.

	<b>PROJEK SMART Selangor 2018</b>		<b>PROJEK SMART Selangor 2019</b>
1.	Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi Di Negeri Selangor	1.	Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi di Negeri Selangor Enchancement
2.	Community Opinions On-Line (COOL) Enhancement	2.	Selangor Wide Area Network
3.	Pasar Pintar dan Peladang Pintar	3.	Smart Selangor Data Centre
4.	Intelligent Response Selangor Enhancement	4.	Sistem Analitik CCTV Enhancement
5.	Feasibility study – Selangor Wide Area Network	5.	Big Data Analytics
6.	Feasibility study – Smart Selangor Data Centre	6.	Smart Recycling
7.	Sistem pemantauan Aliran Trafik	7.	AWS Cloudstart
8.	Sistem Analitik CCTV	8.	Smart Street Lamp
9.	Smart Selangor Bus Stop	9.	Smart Selangor Command Centre Enhancement
10.	Smart Selangor Command Centre	10.	Smart Selangor Bus Stop Expansion
11.	Pemantauan Indeks Kualiti Udara	11.	Selangor Smart City Conference and Exhibition

12.	Selangor Smart City Conference and Exhibition		
13.	Smart Selangor Accelerator Program		
14.	Smart Selangor Centre of Excellence		
15.	Sukarelawan Smart Selangor		
16.	Smart Selangor Cashless Society		

- b) Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada SSDU pada tahun 2018 berjumlah RM18 juta dan untuk tahun 2019 adalah RM 10 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBERDAYAAN WARGA MISKIN BANDAR**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memberdayakan warga yang berdepan masalah kemiskinan bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam mencapai kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi. Pelbagai usaha terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan konsep "*Distributive Justice*" kepada rakyat.

Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh dan meliputi semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak fokus kepada golongan miskin bandar sahaja.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah satu agenda yang memberi manfaat kepada golongan miskin bandar dan juga golongan miskin luar bandar. Antara Program-program yang diwujudkan untuk memberdayakan warga miskin adalah seperti seperti Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kasih Ibu *Smart Selangor* (KISS), Program HIJRAH, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Peduli Siswa, IKTISASS serta pelbagai lagi. Semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor.

Ketika ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan program bantuan khusus untuk memberdayakan warga miskin bandar. Namun yang demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik sebarang syor atau cadangan untuk membantu golongan ini untuk keluar dari kitaran kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) NEGERI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah penjajaran Kerajaan Negeri berkaitan inisiatif peduli rakyat?

**JAWAPAN:**

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar (MERU) – soalan 69 & 207;

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (BUKIT LANJAN) – soalan 51;

Y.B. Puan Wong Siew Ki (BALAKONG) – soalan 165; dan

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungip (HULU KELANG) – soalan 248

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih

holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel Best Western, i-City Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penajaran iaitu secara:
  - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan
  - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart IPR* yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart IPR* ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN**  
**(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : CAPAIAN DAN KUALITI LIPUTAN WIFI SMART SELANGOR**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan dalam memastikan capaian dan liputan WIFI Smart Selangor sentiasa memuaskan ?
- b) Berapakah Kekerapan WIFI Smart Selangor ini diuji dan diselenggara?

**JAWAPAN:**

- a) SMARTSEL mengadakan mesyuarat secara mingguan dengan pemberi perkhidmatan (*service providers - SP*) untuk menyelaras dan menyelesaikan isu-isu berbangkit, terutamanya yang berkaitan dengan kawasan liputan perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan. SMARTSEL juga telah membangunkan papan pemuka (*dashboard*) yang boleh dipantau secara Masa Nyata (*Real Time*) untuk memberikan gambaran visual terhadap kedudukan dan status-status AP terpasang.
- b) Pemantauan servis daripada pihak *SP* dijalankan secara berterusan dan penyelesaian isu-isu terhadap rangkaian adalah mengikut kontrak dan norma-norma bersama yang telah dipersetujui bersama-sama pihak *SP*. Pihak SMARTSEL bermesyuarat dengan pembekal perkhidmatan (*service provider – SP*) secara mingguan untuk menyelesaikan dan mengatur isu-isu dan masalah berbangkit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PELABURAN DALAM NEGERI**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk pelaburan baharu dalam negeri yang memberikan impak kepada peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

**JAWAPAN:**

- a) Dalam menarik pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada industri – industri berdasarkan pengetahuan dan yang berimpak tinggi dengan objektif utama untuk menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sedang giat mempromosikan beberapa industri tumpuan utama berdasarkan potensi yang ada di Negeri Selangor. Antara industri tumpuan utama tersebut seperti; -

- i. Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics)
- ii. Peralatan Pengangkutan / (Transport Equipments)
- iii. Sains Hayat / (Life Sciences)
- iv. Makanan dan Minuman / (Food & Beverages Industries)
- v. Mesin dan Peralatan / (Machinery & Equipment)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang dan memberi impak kepada peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan di negeri Selangor seperti; -

- E - Commerce
- Bio - Teknologi
- Aero - Angkasa
- Industri Halal

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat sejajar dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains dan teknologi bio serta aero angkasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : CUKAI ATAU FI TERHADAP PUSAT R&R LEBUHRAYA**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cukai atau fi yang boleh dikutip oleh Kerajaan dan PBT terhadap Pusat Rehat & Rawat (R&R) sepanjang lebuhraya bertol tetapi belum dan tidak pernah dikenakan sehingga sekarang?
  
- b) Sekiranya kutipan dikenakan, berapakah jangkaan hasil tambahan yang boleh dikutip oleh kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) boleh mengenakan cukai tanah terhadap Pusat Rehat & Rawat (R&R) sepanjang lebuhraya bertol. Walau bagaimanapun, beberapa proses perlu dilaksanakan terlebih dahulu iaitu:
  - i. Pertama, semua kawasan Rehat dan Rawat (RnR) dilupuskan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN);
  - ii. Kedua, Borang Jadual 1 akan dikemukakan oleh Pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan seterusnya penilaian premium tanah akan ditentukan mengikut harga pasaran;
  - iii. Ketiga, setelah premium tanah dijelaskan, hakmilik akan didaftarkan; dan
  - iv. Akhir sekali, pemilik tanah perlu membayar cukai tanah setiap tahun mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah Tanah Selangor (KTS).
  
- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama dengan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) berhubung isu premium bagi tapak-tapak RnR yang telah diluluskan tetapi premium tanah masih belum dijelaskan. Dianggarkan premium tanah yang masih dituntut oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM200 juta.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) turut mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasan pada 3 Januari 2019 bersama UPEN mewakili Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Asli dan Jabatan Ketua Pangarah Tanah Dan Galian bagi membincangkan isu ini. Dalam masa yang sama, Pegawai Kewangan Negeri telah membangkitkan isu ini dalam Majlis Mesyuarat Kewangan Negara. Kerajaan Negeri akan terus membuat susulan dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan tuntutan hasil premium tanah tapak-tapak RnR dapat diselesaikan seterusnya meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain cukai tanah Kerajaan Negeri melalui PBT Negeri Selangor telah mengenakan cukai taksiran dan fi lesen di tapak RnR seperti fi lesen perniagaan, permit penjaja dan bermiaga sementara, permit trak bergerak dan iklan berbahaya serta iklan tidak berbahaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2, Labuhan Dagang dan Semenyih?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan terkini untuk membina ketiga-tiga loji tersebut?
- c) Nyatakan kekangan untuk memastikan projek ini siap mengikut tarikh yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Tuan Speaker,

**Status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2**

1. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang dahulunya Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).
2. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan untuk Loji Langat 2 Fasa 1 dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2022 dengan pengeluaran air terawat berkapasiti 1,130 JLH. Walau bagaimanapun, Loji Langat 2 ini dijadualkan akan membekalkan air terawat secara berperingkat-peringkat bermula Julai 2019.
3. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dari Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), secara keseluruhannya kemajuan fizikal di tapak setakat bulan Februari 2019 adalah 75.00% berbanding yang dijadualkan sebanyak 82.13%
4. Bagi pembinaan loji, kerja-kerja pembinaan telah mencapai 95% berbanding jadual 100%. Dalam melaksanakan pembinaan loji, ia telah pecahkan kepada dua stream, Stream A dan Stream B. Setiap stream dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. Stream A dengan kapasiti 565 JLH telah

siap dan sedia untuk menjalani kerja-kerja pengujian dan pentauliahan (Testing & Commissioning (T&C) pada bulan Julai 2019. Setelah T & C ini tamat, Stream A ini akan bermula menyalurkan air terawat kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) untuk dibekalkan kepada pengguna. Walaupun Stream A ini mempunyai kapasiti 565 JLH, jumlah air yang akan dibekalkan oleh Air Selangor kepada pengguna adalah sebanyak 325 JLH kerana terdapat kekangan di dalam paip agihan. Air bersih sebanyak 325 JLH air ini akan di bekalkan ke kawasan KL Selatan dan Pusat Bandar KL.

### **Status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang**

1. Setakat 28 Februari 2019, status pelaksanaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang adalah seperti berikut:

Bil	Nama Paket	Kemajuan disasar (%)	Kemajuan Sebenar (%)	Peratus lewat
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat.	98.25	97.15	1.10
2.	PAKEJ B - Membina, Menguji dan Mentauliah Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40ML, Kerja-kerja Cerun, Jalan Masuk Serta Kerja-kerja Berkaitan di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor	87.00	83.00	4.0
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-	100.00	99.95 (Telah siap sepenuhnya di tapak, dalam	2.0

Bil	Nama Pakej	Kemajuan disasar (%)	Kemajuan Sebenar (%)	Peratus lewat
	kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor		tindakan untuk pengujian laluan air dari loji, hanya boleh dilaksanakan apabila loji beroperasi)	
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. 1800 mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra			
5.	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor	94.00	82.00	12.0

2. Secara amnya, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek telah mencapai 92.41%. Buat masa ini pihak kontraktor sedang dalam usaha untuk menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang telah ditetapkan pada 23 April 2019. Sekiranya pihak kontraktor gagal menyiapkan projek pada tarikh yang ditetapkan itu, Kerajaan Negeri boleh mengenakan *liquidated and ascertained damages* (LADs) terhadap pihak kontraktor.

### **Status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2?**

Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah siap sepenuhnya pada 28 Februari 2018 dan telah diserahkan untuk dioperasikan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) mulai pada 01 Mac 2019.

- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah perbelanjaan terkini untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2 memandangkan pembinaan loji tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS). Secara amnya, Kerajaan Negeri dimaklumkan kos pembinaan projek ini dianggarkan sebanyak RM4.2 bilion.

Bagi pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan Semenyih 2, jumlah perbelanjaan bagi pembinaan kedua-dua loji adalah seperti berikut:-

<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Loji Rawatan Air Semenyih 2</b>	<b>Loji Rawatan Air Labohan Dagang</b>
Anggaran kos pembangunan projek	185,030,000.00	511,984,333.60
Jumlah yang dibelanjakan setakat 28 Februari 2019	179,074,102.39	342,632,686.81

Jumlah yang dibelanjakan bagi kedua-dua loji ini bukan kos pembinaan sahaja tetapi juga termasuk bayaran kos perunding, juru ukur, pemetaan utiliti, pengambilan balik tanah, bayaran caj sambungan yang dikenakan oleh syarikat utiliti dan bayaran perubahan kos kerja.

- c) Kekangan utama yang dihadapi di dalam memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan antaranya adalah melibatkan kelewatan di dalam proses pengambilan balik tanah terutamanya yang melibatkan Tanah Hutan Simpan dan Tanah Rizab Melayu kerana kedua-dua jenis tanah simpan tersebut perlu disediakan tanah ganti sebelum proses pengambilan balik tanah boleh disempurnakan dan juga kelulusan di dalam mendapatkan sambungan dari TNB kerana ia akan melibatkan pemasangan kabel TNB yang baru. Namun demikian, dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan agensi yang terlibat kekangan ini dapat diatasi dan projek dapat berjalan dengan lancarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN WANG TUNAI KEPADA MASJID DAN SURAU SEMPENA  
BULAN RAMADHAN**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menaikkan nilai bantuan tersebut pada tahun ini?
- b) Adakah bantuan ini akan diserahkan melalui ADUN kawasan?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak, masih mengekalkan jumlah sumbangan moreh bulan ramadhan seperti tahun 2018 iaitu RM1250.00 kepada masjid, RM1000.00 kepada surau solat jumaat dan surau kariah. Namun, pemberian moreh pada tahun 2019 ini akan menumpukan kepada masjid dan surau yang kurang mempunyai pendapatan disebabkan oleh kekurangan peruntukan Jabatan untuk diagihkan pada tahun 2019.
- b) Penyaluran bantuan ini akan dibuat melalui EFT ke akaun masjid dan surau oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KILANG PLASTIK HARAM**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan bilangan kilang plastik haram di Selangor mengikut DUN.
- Sila nyatakan tindakan yang telah diambil dan berapakah pengusaha yang telah dikenakan ke mahkamah.

**JAWAPAN:**

- Bilangan kilang plastik haram yang dikesan adalah sebanyak **107 buah** melibatkan 6 PBT sahaja di mana 99 kilang plastik haram tersebut telah diberi Notis Penutupan. Daripada 99 buah kilang tersebut, sebanyak 48 buah kilang telah ditutup sepenuhnya melalui Operasi Bersepadu. PBT akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau perkara ini bagi tujuan pemutihan. Berikut adalah pecahan bilangan kilang plastik haram di 6 PBT:-

\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Notis Penutupan</b>	<b>Telah Ditutup Sepenuhnya</b>
1.	MPK	41	41	8
2.	MDKL	33	33	33
3.	MDKS	8	8	-
4.	MBSA	12	12	4
5.	MDHS	12	4	2
6.	MPSp	1	1	1
<b>Keseluruhan</b>		<b>107</b>	<b>99</b>	<b>48</b>

- b) Sebanyak 6 kes oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS) telah diambil tindakan mahkamah dengan kutipan denda sebanyak RM389,000.00 dan hukuman satu hari penjara. Secara keseluruhan, jumlah kes yang disiasat oleh JAS bagi tempoh **Julai 2018 sehingga Februari 2019** adalah sebanyak 127 kes. Berikut adalah pecahan kilang plastik yang telah disiasat dan tindakan yang telah diambil oleh JAS Selangor berdasarkan tempoh tersebut:

Jumlah kes disiasat	Penahanan Operasi / Tutup	Notis Arahan	Kompaun	Syor Tindakan Mahkamah
127	80	30	13	50

\*Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**  
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada warga emas yang tidak mempunyai tanggungan?

**JAWAPAN:**

- a) Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang di atas keprihatinan dan kepekaan dalam membantu golongan warga emas bagi mendapatkan bantuan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, setiap permohonan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah tertakluk kepada syarat – syarat permohonan sedia ada. Syarat – syarat yang telah ditetapkan ini turut mengambil kira dan merangkumi golongan warga emas dimana syarat umur telah ditetapkan pada usia 45 sehingga 75 tahun.

Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat, ketika ini Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk memberikan kelonggaran kepada warga emas yang tidak mempunyai tanggungan untuk memohon bantuan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Ini adalah selaras dengan syarat – syarat yang telah ditetapkan di para 4.5 iaitu "*Pemohon yang mempunyai tanggungan sahaja akan dipertimbangkan. Terbukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya*". Penguatkuasaan syarat – syarat ini adalah bagi membantu Kerajaan Negeri mengurangkan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat dan mengenalpasti golongan sasar yang benar – benar layak serta akan mengutamakan permohonan yang mempunyai tanggungan yang ramai dan masih bersekolah serta mempunyai tanggungan yang sedang meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Secara tidak langsung, ia akan membantu Kerajaan Negeri dalam memberikan bantuan ini dengan adil dan saksama kepada golongan yang benar – benar layak merangkumi 9 buah daerah dengan peruntukan sebanyak RM1juta.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya warga emas yang tidak mempunyai tanggungungan untuk membuat permohonan masing – masing. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap permohonan akan mendapat ulasan dan syor daripada Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan melalui siasatan secara lawatan turun padang oleh Penghulu dan wakil Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin untuk dipertimbang dan diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PIAWAIAN TEKANAN AIR**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah piawaian tekanan air pada meter untuk rumah dan kedai (meter individu)?
- b) Jika tekanan air tersebut tidak dapat dicapai, apakah jangkamasa (KPI) Air Selangor untuk membetulkan situasi tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Piawaian tekanan air pada meter untuk rumah dan kedai (meter individu) adalah di antara 10mH hingga 22mH. Piawaian secara purata tekanan minimum adalah 10mH berdasarkan ketinggian premis.
- b) Tindakan bagi aduan bekalan air termasuk aduan tekanan air adalah dalam tempoh 24 jam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PROJEK JALAN RENTAS KG SG KELAMBU  
KE BANDAR SERI EHSAN DAERAH KUALA LANGAT**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan Projek Jalan Rentas Kg Sg Kelambu ke Bandar Seri Ehsan dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B. projek membina jalan sambungan Sg. Kelambu ke Genting Sanyen adalah dalam peringkat reka bentuk terperinci dan penyediaan pelan pengambilan balik tanah. Projek ini melibatkan skop pembinaan jalan baru yang menghubungkan kawasan Kuala Langat ke Sepang dengan piawaian U5, satu lorong 2 hala sepanjang 8.9 km. Anggaran kos projek adalah sebanyak RM120 juta dan dijangka akan ditender / iklan pada Ogos 2019 dan pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada 2018, berapakah jumlah unit rumah Selangorku yang telah siap dibina dan dijual?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah unit Rumah Selangorku yang telah siap dibina dan dijual sehingga 31 Disember 2018 sejumlah 6,303 pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PELANCONGAN PEKAN HERITAGE BATU ARANG**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Batu Arang telah menjadi tempat kunjungan pelancong untuk berbasikal, apakah perancangan kerajaan untuk menaiktaraf infrastruktur basikal untuk memastikan keselamatan penunggang basikal?
  
- b) Apakah rancangan baru kerajaan untuk menaiktaraf dan menarik pelancong ke pekan Batu Arang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sentiasa melihat perkembangan dan keperluan infrastruktur termasuklah bagi keperluan dan kemudahan aktiviti berbasikal di Pekan Arang yang semakin popular dan mendapat perhatian penggemar sukan berbasikal ini.

Sebagai tanda kesungguhan dan perhatian tersebut, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa usaha dan kerja bagi menaik taraf kemudahan pelancong termasuklah bagi aktiviti berbasikal di Pekan Batu Arang. Untuk makluman, pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM85,754.00 kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur aktiviti berbasikal.

Antara komponen projek yang telah dilaksanakan oleh pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan peruntukan tersebut ialah:

- i. Papan Tanda Arah;
- ii. Papan Tanda Pemberitahuan Berbasikal;
- iii. Papan Tanda Infografik;
- iv. Papan Tanda Lokasi;
- v. Menaik taraf Arca Batu Arang; dan
- vi. Papan Tanda *Entry Statement*

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dan turut dibantu oleh Majlis Perbandaran Selayang dan Pejabat Tanah/ Daerah Gombak untuk mengenal pasti potensi dan senarai tapak dan bangunan warisan untuk diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan.

Buat masa ini, pihak PADAT telah mengenal pasti 11 tapak yang boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di Pekan Batu Arang. Antara tapak-tapak tersebut adalah seperti berikut:

- i. Bangunan Kelab Sukan Pekerja Lombong;
- ii. Bangunan SJK (C) Chap Khuan;
- iii. Terowong Arang Batu;
- iv. Rumah Semboyan;
- v. *White House* (MES Pegawai Tentera);
- vi. Kelab Rumah Eropah;
- vii. Pejabat Pos;
- viii. Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman;
- ix. Pejabat Malayan Collieries;
- x. Berek Askar Gurkha; dan
- xi. Bangunan Air Shaft

Kerajaan Negeri berpandangan, melalui pewartaan Pekan Batu Arang ini sebagai salah satu Tapak Warisan Kebangsaan yang baharu akan meningkatkan lagi nilai dan kekuatan pekan Batu Arang sebagai pekan warisan dan seterusnya akan menarik lebih ramai pelancong dan pengunjung ke pekan bersejarah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah statistik pelaburan langsung asing (FDI) ke Negeri Selangor pada tahun 2018?
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan global pada tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- Bagi tempoh **Januari hingga September 2018**, Negeri Selangor telah mekodkan jumlah nilai pelaburan sebanyak **RM 8,246,906,201 dengan 143 projek perkilangan yang diluluskan** oleh MIDA. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 5,839,091,436 adalah pelaburan melibatkan penglibatan pelabur asing**. Statistik pelaburan langsung asing (FDI) ke Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga September 2018 adalah seperti jadual berikut:-

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	91	9,419	3,746,232,868	22,780,377,613	<b>26,526,610,481</b>
Pahang	11	4,630	127,177,781	8,848,367,565	<b>8,975,545,346</b>
Selangor	<b>143</b>	<b>9,196</b>	<b>2,407,814,765</b>	<b>5,839,091,436</b>	<b>8,246,906,201</b>
Terengganu	7	1,928	119,906,806	4,163,610,000	<b>4,283,516,806</b>
Penang	80	7,539	1,668,521,602	2,156,721,647	<b>3,825,243,249</b>
Sarawak	4	394	45,650,000	2,238,778,548	<b>2,284,428,548</b>
Negeri Sembilan	27	2,130	685,960,877	1,186,601,858	<b>1,872,562,735</b>
Melaka	28	1,306	278,861,665	721,260,174	<b>1,000,121,839</b>
Kedah	32	2,198	400,765,187	594,427,020	<b>995,192,207</b>
Perak	22	1,025	439,765,893	162,606,806	<b>602,372,699</b>
Sabah	8	338	118,588,067	22,329,443	<b>140,917,510</b>

<b>W. P. Kuala Lumpur</b>	8	507	104,699,435	25,632,293	<b>130,331,728</b>
<b>Kelantan</b>	5	367	73,098,166	24,569,685	<b>97,667,851</b>
<b>W. P. Labuan</b>	1	35	81,003,600	0	<b>81,003,600</b>
<b>Perlis</b>	1	21	8,000,000	0	<b>8,000,000</b>
<b>Jumlah</b>	<b>468</b>	<b>41,033</b>	<b>10,306,046,712</b>	<b>48,764,374,088</b>	<b>59,070,420,800</b>

\* Sumber : MIDA

- c) Usaha menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah usaha yang dilaksanakan secara berterusan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan global pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakkan pelaburan iaitu Invest Selangor telah merangka beberapa strategi seperti berikut; -

#### **1. Strategi jangka masa panjang; -**

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;
  - 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  - 2. Selangor Halal Council
  - 3. Selangor Aerospace Council
  - 4. Selangor BioTech Council
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- iv. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).

- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Cadangan pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
- x. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

## 2. Strategi jangka masa pendek:-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KESELAMATAN JALAN RAYA**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan keselamatan pengguna jalan?

**JAWAPAN:**

- b) Jalan Assam Jawa ke Desa Coalfield adalah Jalan Persekutuan FT54. Projek pelebaran jalan ini sedang dalam peringkat pembinaan dan dikawal selia oleh pasukan khas, Cawangan Jalan IP JKR Malaysia. Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di jalan tersebut :
  - i. Mengenal pasti kawasan yang berisiko dan melaksanakan langkah pencegahan seperti papan tanda keselamatan, lampu jalan, penghadang jalan dan lain-lain item pencegahan bagi memastikan jalan lebih selamat.
  - ii. Melaksanakan Audit TMP bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi segala arahan dan penetapan dalam pelaksanaan *Traffic Management Pelan (TMP)*.
  - iii. Memastikan segala aduan yang diterima daripada pengguna jalan raya ditutup mengikut piagam pelanggan JKR.
  - iv. Melaksanakan rutin inspection jalan tersebut dan memastikan *Emergency Response Team (ERT)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : LITAR LUMBA DI GOMBAK**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini tentang litar lumba di Gombak? Apakah jangka masa penyiapan litar tersebut?
- b) Selain daripada penganjuran acara-acara permotoran, apakah kerajaan juga akan menjadikannya sebagai litar latihan dan terbuka kepada golongan belia dengan kos yang rendah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sedang dalam proses pewartaan untuk pembinaan litar lumba ini.

Tempoh jangka masa penyiapan pembinaan ini adalah bergantung pada cadangan vendor yang dilantik melalui perolehan Kerajaan Negeri.

- b) Sejajar dengan objektif pembinaan litar lumba ini, Kerajaan Negeri telah menggariskan antara fungsi utama litar ini adalah untuk menyediakan prasarana atau kemudahan sukan yang menceburi bidang permotoran. Selain ia bakal menjadi pentas utama untuk penganjuran sukan permotoran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kemudahan ini juga akan menjadi litar latihan dan terbuka kepada mana-mana individu dan pasukan untuk menggunakaninya dengan kadar bayaran yang berpatutan.